

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail Hiburan)

Hari/Tarikh: 29/5/2013

Muka surat: M4

Tajuk : Mini Film Festival Kali Ke-9 Malam Ini.

Mini Film Festival kali ke-9 malam ini



SEMPENA CIPTA 2013, Festival Filem Mini ini dianjurkan oleh pelajar program Sinematografi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Unimas untuk memberi pengikti-

rafan dan meraikan pencapaian pelajar daripada pelbagai aspek pembikinan filem.

Majlis ini bertempat di Panggung Eksperimen, FSGK, Unimas hari ini (Rabu), 29 Mei,

7.30 malam.

Selain daripada pelajar program Sinematografi, tahun ini pihak penganjur turut menjemput beberapa universiti lain seperti Swinburne University

of Technology, Sarawak, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Curtin University Sarawak dan SEGi College Sarawak untuk menyertai pertandingan filem pendek yang dianjurkan.

Filem pendek yang tercalon pada tahun ini meliputi pelbagai jenis genre, termasuk filem aksi, dokumentari, filem eksperimen dan lain-lain lagi.

Sesetengah filem menggambarkan pemuliharaan seni tradisional Asia serta konflik antara generasi tua dan muda atas perkara yang seringkali berlaku dalam kehidupan seharian.

Mini Film Festival ke-9 ini bertemakan "Magik dan Fantasi".

Gabungan dua elemen ini

diharapkan dapat memberi sumber inspirasi kepada pembikin filem muda untuk menghasilkan filem di luar jangkauan umum.

Melalui tema ini, pihak penganjur juga berharap hadirin dapat merasai pengalaman dan suasana yang luar biasa dalam dunia realiti.

Pihak penganjur mengalu-alukan kedatangan orang ramai untuk menghadiri Malam Penganugerahan Mini Film Festival.

Kemasukkan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Shahrul Af-fendilshak di talian 013-490 1034 atau Pramela Morgan (014-988 0619).